

30 JUN 2001

DR MAHATHIR RASMI PENUBUHAN PUSAT LATIHAN UMNO SELANGOR

SHAH ALAM, 30 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan penubuhan Pusat Latihan Umno Selangor, sebuah pusat latihan politik yang ditubuhkan bagi melatih golongan pelapis Umno di negeri itu.

Perasmian penubuhan pusat berkenaan oleh Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri, merupakan satu daripada acara sempena Konvensyen Umno Selangor Ke-10 di sini.

Dr Mahathir turut menamakan pusat berkenaan sebagai Institut Latihan Budaya Melayu Baru (ILBMB).

Penubuhan pusat berkenaan bagi generasi baru Umno, diumumkan Menteri Besar yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo ketika merasmikan Pra-Konvensyen Umno Selangor pada 5 Mei lepas.

Beliau berkata pusat latihan bersepadu itu akan didirikan di kawasan seluas 16 ha di Kem Ghafar Baba, Kampung Kemensah, Hulu Klang bermula Ogos ini dan dijangka siap Februari tahun depan.

Dr Mahathir ketika ditanya mengenai penubuhan pusat itu pada sidang akhbar selepas itu, berkata ia sememangnya selaras dengan hasrat Umno supaya setiap negeri mempunyai pusat latihan sendiri.

"Pusat latihan sebegini boleh dijadikan sebagai tempat anggota Umno mengenal pasti masalah, termasuk menangani masalah ramai generasi muda kini kurang berminat menyertai Umno," katanya.

-- BERNAMA

RIZ RON